PTS Media Group Sdn. Bhd. (173482-A)
pts.com.my

No. 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel : +603-6188 0316
Faks : +603-6189 1316

KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT

Buku Kaedah Merawat Susuk

PTS Media Group akan menerbitkan sebuah lagi buku yang ditulis oleh Dato' Dr. Haron Din dan Tuan Haji Mokhtar Kassan, iaitu Kaedah Merawat Susuk. Buku ini sebagai pelengkap kepada siri-siri buku perubatan Islam yang sebelumnya, iaitu Kaedah Merawat Santau dan Kaedah Merawat Saka. Menerusi buku yang berharga RM17 ini, ia menceritakan amalan orang zaman dahulu yang memakai susuk untuk tujuan tertentu. Susuk adalah amalan kebiasaan orang kita semenjak dari dahulu lagi. Ia adalah ilmu yang diamalkan yang mempunyai unsur syirik dan mengandungi unsur makhluk halus.

Buku ini dibahagikan kepada beberapa bab bermula dengan pengenalan ilmu susuk keseluruhannya, ciri-ciri dan jenis-jenis susuk, pantang pemakai susuk, proses memakai susuk, rawatan, pengalaman pengamal susuk, ayat-ayat amalan sebagai pendinding diri, dan alternatif kepada susuk.

Ia dapat menjadi pedoman kepada pembaca supaya sedar dan dapat berfikir dengan waras dan elakkan daripada amalan syirik. Kebiasaanya, orang yang memakai susuk mengalami kesukaran ketika hendak meninggal dunia. Dalam Al-Quran ada menyatakan, “Tidak lambat sesaat ataupun cepat sesaat.” Apabila sampai ajal, Allah s.w.t. memberi peringatan kepada orang yang sihat supaya mengambil iktibar tentang apa yang berlaku kepada pesakit yang meninggal dunia yang memakai susuk.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI
Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.
H/P: 016-661 1974
E-mel: awatif@pts.com.my